



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**KES PENJENYAH ALAM SEKITAR PERTAMA DITUDUH DI BAWAH AKTA  
KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012 (SOSMA)**

---

1. Dalam tempoh kurang daripada 14 hari, dua orang telah dituduh di Mahkamah Sesyen Selayang pada 23 November 2020 susulan insiden empat Loji Rawatan Air (LRA) iaitu Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1,2 dan 3 yang dihenti tugas hingga menyebabkan gangguan bekalan air di Lembah Klang pada 10 November 2020 yang lalu.
2. Pada 10 November 2020, pada jam 10.45 malam, sepasukan pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah menyerbu premis bernombor 32, Jalan Velox 2, Taman Perindustrian Velox, Rawang, Selangor dalam satu operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pasukan penguatkuasa telah memasuki premis dengan menggunakan peruntukan Seksyen 38, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu kuasa pegawai JAS memasuki mana-mana premis tanpa waran.
3. Kes ini mencatat sejarah apabila menjadi kes jenayah alam sekitar pertama di Malaysia dituduh di bawah Seksyen 124K Kanun Keseksaan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).
4. Selain itu, kedua-dua tertuduh turut dihadapkan dengan lima pertuduhan lain di bawah Seksyen 34B(1)(a), Seksyen 34A(2), Seksyen 18(1) dan Seksyen 19(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; dan Seksyen 61(1)(b) Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006.
5. Salah seorang daripada Orang Kena Tuduh (OKT) turut dituduh di Mahkamah Majistret Selayang di bawah Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian, Majlis Perbandaran Selayang, 2007.
6. Hakim selepas menimbangkan hujahan kedua-dua pihak memutuskan kedua-dua OKT tidak ditawarkan jaminan mahkamah dan tarikh sebutan semula kes telah ditetapkan pada 8 Januari 2021.

## **UNTUK SIARAN SEGERA 24 NOVEMBER 2020**

7. Perkembangan positif ini membuktikan bahawa KASA tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan jenayah alam sekitar. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Pengurusan Air Selangor (AiS) di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan.
8. Saya menyeru orang awam untuk terus melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**- TAMAT -**

**YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN**

Menteri Alam Sekitar dan Air  
Putrajaya

**24 NOVEMBER 2020**



Pegawai JAS mengambil sampel sisa buangan terjadual

UNTUK SIARAN SEGERA 24 NOVEMBER 2020



Tong-tong berisi buangan terjadual yang ditemui di dalam premis

UNTUK SIARAN SEGERA 24 NOVEMBER 2020



Loji rawatan kumbahan yang dicemari dengan sisa buangan terjadual